

08/10/2002

KL mahu bukti kukuh (HL)

Kadir Dikoh; Amirullah Andi Nur; Munaarfah Abu Bakar
KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia memerlukan bukti kukuh yang mengaitkan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Ahmed Ibrahim Bilal dengan kegiatan militan Islam sebelum menyerahkannya kepada Amerika Syarikat.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pihak berkuasa negara ini akan menyiasat dulu bagi menentukan sama ada dakwaan Washington terhadap Ahmed Ibrahim berasas atau tidak, sebelum mengambil sebarang tindakan.

Perdana Menteri juga menegaskan, Washington tidak berhak untuk mendesak Kuala Lumpur menyerahkan Ahmed Ibrahim kerana Malaysia tidak mempunyai peraturan ekstradisi dengan Amerika Syarikat.

Ahmed Ibrahim, 24, adalah antara enam yang dituduh anggota kumpulan militan yang ditumpaskan Biro Siasatan Persekutuan (FBI) berikutan penangkapan empat orang dalam operasi di Oregon dan Michigan, Sabtu lalu.

Pemuda itu tiba di Malaysia Januari lalu dan telah mendaftar untuk mengikuti jurusan Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (IRK) di UIAM. Dia dikatakan masih berada di kampus UIAM Gombak kelmarin sebelum menghilangkan diri semalam.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Audit Negara Komanwel ke-18 di Seri Kembangan dekat sini hari ini, Dr Mahathir berkata kerajaan merujuk kes itu kepada Peguam Negara yang akan mengkaji dari segi perundangan terhadap permintaan Amerika Syarikat supaya pemuda itu diserahkan kepada mereka.

"Kita ada cara tertentu tangani masalah. Sebab itu perkara ini telah dirujuk kepada Peguam Negara kerana kita tidak ada peraturan ekstradisi dengan Amerika. Kalau kita nak serah orang itu pada Amerika, kita kena tahu orang itu bersalah atau tidak.

"Apa hak Amerika suruh kita serah kepada mereka. Semua ini kita kena teliti. Kita buat selalu ikut undang-undang. Inilah yang dikatakan rule of law (peraturan undang-undang).

"Tetapi kadang-kadang bila ada kepentingan, orang tak berapa patuh kepada rule of law. Bila orang lain salah saja, mereka nak patuh kepada rule of law," katanya.

Washington juga sebelum ini meminta rakyat tempatan, Yazid Sufaat yang kini ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk diekstradisi ke Amerika Syarikat bagi membantu siasatan berhubung serangan 11 September.

Bagaimanapun, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai baru-baru ini berkata Yazid tidak akan diekstradisi ke sana, sebaliknya pihak berkuasa Amerika dibenar ke sini bagi mengambil keterangan bekas pegawai tentera berpangkat kapten itu.

Ditanya sama ada kerajaan akan meminta Washington mengemukakan bukti terlebih dulu sebelum menyerahkan Ahmed Ibrahim kepada mereka, Dr Mahathir berkata setakat ini dakwaan terhadap lelaki itu cuma satu tuduhan yang belum diketahui benar atau tidak.

Kerana itu, katanya, kerajaan merujuk kes terbabit kepada Peguam Negara untuk mengetahui dari segi perundangan terhadap permintaan Amerika Syarikat.

Mengenai kemungkinan syarat kemasukan pelajar asing ke UIA diperketatkan lagi berikutan isu itu, beliau berkata langkah seumpama itu tidak perlu diadakan.

"Kita tak perlu perketat, siapa yang layak masuk, kita memang terima. Kita tak nak periksa kasut dia orang," katanya.

(Pemeriksaan kasut kini menjadi amalan biasa Amerika terhadap orang Islam yang melawat negara itu. Malah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad sendiri diperiksa sedemikian).

Ditanya sama ada kehadiran Ahmed Ibrahim dan kes Yazid sebelum ini akan memperkuat lagi dakwaan bahawa Malaysia menjadi sarang pengganas, beliau berkata:

"Saya tidak mahu membuat sebarang tuduhan terhadap mana-mana negara atau sesiapa saja. Terpulang kepada orang ramai untuk membuat penilaian kononnya Malaysia ini pangkalan bagi pengganas," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak tunduk kepada desakan negara tertentu supaya seorang rakyat Itali yang berada di negara ini, diekstradisi ke negara berkenaan.

"Kita sekarang ada satu kes membabitkan seorang warga Itali yang ada di sini yang dikehendaki oleh sebuah negara lain. Tetapi kita kena ikut undang-undang. Dia kena pergi ke mahkamah untuk menentukan ada kes atau tidak sebelum diserahkan kepada mereka. Kita tak serah begitu saja, kita ikut undang-undang," katanya.

Sementara itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau diberitahu semalam bahawa pasport Ahmed Ibrahim ditarik balik oleh Kerajaan Amerika Syarikat dan kini Jabatan Imigresen menguruskan apa yang diperlukan.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, berikutan penarikan balik pasport oleh negaranya, status Ahmed Ibrahim kini sudah berubah.

"Kalau kerajaan dia sendiri telah tarik balik pasport, maka statusnya sudah berubah. Maka dengan itu tentulah dia tidak boleh lagi tinggal di negara kita.

"Jadi, itu bermakna, dia jadi pendatang tanpa izin," katanya selepas merasmikan Kongres Sedunia Pertubuhan Perancangan dan Perumahan Kawasan Timur (EAROPH) di sini.

Di KOTA KINABALU, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai mengesahkan pihaknya menerima waran tangkap daripada Kerajaan Amerika bagi menahan Ahmed Ibrahim.

Beliau berkata, waran tangkap yang diterima baru-baru ini menyatakan dengan ringkas alasan serta bukti pertuduhan ke atas pemuda berkenaan.

Katanya, waran itu juga memaklumkan Washington sudah membatalkan pasport Ahmed, sekali gus mengesahkan lelaki itu tidak lagi boleh tinggal di negara ini.

"Apabila pasport beliau sudah dibatalkan Amerika Syarikat, maka dia mesti diserahkan balik kepada pihak terbabit. Adalah satu proses biasa, kita akan mencari serta menahannya selepas ini dan kemudian menyerahkan kepada negara asal," katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri di sini.